



14 Ogos 2026
14 August 2026
P.U. (B) 298

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

ARAHAN KHAS MENTERI

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

ARAHAN KHAS MENTERI

BAHAWASANYA:

- (a) prosiding jenayah yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing, iaitu suatu kesalahan di bawah perenggan 3 dan 4 Perkara 121 Kanun Jenayah Brazil telah dimulakan di Republik Persekutuan Brazil, suatu Negara asing;
- (b) *Judiciary Section of the State of Sao Paulo, 5th Federal Criminal Court of Santos of the Federative Republic of Brazil* melalui *Ministry of Justice and Public Security of Brazil* telah membuat suatu permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [Akta 621];
- (c) tiada perintah di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 telah dibuat berhubung dengan Republik Persekutuan Brazil; dan
- (d) Peguam Negara telah mengesyorkan bahawa bantuan bersama diberikan kepada Republik Persekutuan Brazil berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 18 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya, Dato' Sri Azalina binti Othman, Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang di Malaysia, dengan ini mengarahkan supaya peruntukan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 terpakai berhubung dengan permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu seolah-olah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 berkuat kuasa berkenaan dengan Republik Persekutuan Brazil tanpa apa-apa sekatan, had, kecualian, ubah suaian, penyesuaian, syarat atau batasan.

Bertarikh 11 Ogos 2026
[PN(R) 152/185/29/23-7; PN(PU2)628/JLD.14]

DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Undang-Undang dan Reformasi Institusi)

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS ACT 2002

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER

WHEREAS:

- (a) criminal proceedings relating to a criminal matter involving a foreign serious offence, that is an offence under paragraphs 3 and 4 of Article 121 of the Brazilian Criminal Code has commenced in the Federative Republic of Brazil, a foreign State;
- (b) Judiciary Section of the State of Sao Paulo, 5th Federal Criminal Court of Santos of the Federative Republic of Brazil through the Ministry of Justice and Public Security of Brazil has made a request for mutual assistance in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [*Act 621*];
- (c) no order under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 has been made in relation to the Federative Republic of Brazil; and
- (d) the Attorney General has recommended that mutual assistance be given to the Federative Republic of Brazil in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred on me by section 18 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002, I, Dato' Sri Azalina binti Othman, the Minister charged with the responsibility for legal affairs in Malaysia, do direct that the provisions of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 be applied in relation to the request for mutual assistance in relation to that criminal matter as if there is in effect in respect of the Federative Republic of Brazil an order made under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 without any restriction, limitation, exception, modification, adaptation, condition or qualification.

Dated 11 August 2026
[PN(R) 152/185/29/23-7; PN(PU2)628/JLD.14]

DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN
Minister in the Prime Minister's Department
(Law and Institutional Reforms)